



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBINAAN INSTRUMEN DAN AMALAN
AKAUNTABILITI GURU BIMBINGAN
DAN KAUNSELING TERHADAP
PELAKSANAAN PROGRAM
INTERVENSI MURID
BERISIKO CICIR**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NURULAINI BINTI MOSHIDI

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBINAAN INSTRUMEN DAN AMALAN AKAUNTABILITI
GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING TERHADAP
PELAKSANAAN PROGRAM INTERVENSI
MURID BERISIKO CICIR**

NURULAINI BINTI MOSHIDI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila Taipkan (✓):

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **12 OKTOBER 2021.**

i. Perakuan pelajar :

Saya, **NURULAINI BINTI MOSHIDI, M20181000794** DAN **FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PEMBINAAN INSTRUMEN DAN AMALAN AKAUNTABILITI GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING TERHADAP PELAKSANAAN PROGRAM INTERVENSI MURID BERISIKO CICIR** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **AHMAD JAZIMIN BIN JUSOH** dengan ini mengesah bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PEMBINAAN INSTRUMEN DAN AMALAN AKAUNTABILITI GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING TERHADAP PELAKSANAAN PROGRAM INTERVENSI MURID BERISIKO CICIR** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING.**

15 OKTOBER 2021

Tarikh



Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. AHMAD JAZIMIN JUSOH
Pensyarah Kanan
Jabatan Psikologi Kaunseling
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN ~~TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK~~
DECLARATION OF ~~THEESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER~~ FORM**

Tajuk / Title: PEMBINAAN INSTRUMEN DAN AMALAN AKAUNTABILITI
GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING TERHADAP
PELAKSANAAN PROGRAM INTERVENSI MURID BERISIKO
CICIR

No. Matrik / *Matric's No.*: M20181000794

Saya / I : NURULAINI BINTI MOSHIDI

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan ~~Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek~~ (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. ~~Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek~~ ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan ~~Tesis/Disertasi~~ ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*


☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTE**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar / *Signature*)


(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: 15 OKTOBER 2021

PROF. MADYA DR. AHMAD JAZIMIN JUSOH
Penyarah Kanan
Jabatan Psikologi Kaunseling
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, Alhamdulillah, Alhamdulillah.

Terima kasih Allah atas nikmat masa dan kesihatan. Tiada daya dan upaya untuk saya menyempurnakan kajian ini melainkan dengan izin Allah SWT.

Terima kasih buat penyelia yang saya hormati Prof Madya Dr Ahmad Jazimin bin Jusoh atas segala bimbingan, tunjuk ajar dan galakan yang berterusan dari awal sehingga akhir kajian ini. Terima kasih buat pensyarah-pensyarah khususnya di Jabatan Bimbingan dan Kaunseling, UPSI atas perkongsian ilmu yang diberikan.

Terima kasih ini juga diucapkan kepada individu-individu yang telah sudi menyumbang kepakaran dalam kajian ini. Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada semua responden yang telah sudi meluangkan masa dan berkongsi maklumat.

Terima kasih untuk segala sokongan tanpa syarat yang telah diberikan oleh ibu bapa saya Moshidi Sulong dan Noriah Bool, mak mertua saya Halijah Hamzah serta adik beradik saya walau di mana berada. Sekalung penghargaan juga buat suami, Mohd Zaidi yang telah banyak membantu terutama dalam berkongsi idea. Buat anak-anak yang sangat memahami 'Aisyah, 'Atieq dan Fatimah, terima kasih dari ummi kerana tetap bersama menjadi sumber kekuatan.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga didedikasikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atas kesempatan dan peluang yang diberikan sepanjang tempoh pengajian saya ini. Buat rakan-rakan yang sentiasa bermurah hati memberi tunjuk ajar sehingga kajian ini dapat disiapkan, terima kasih saya ucapkan. Semoga kita semua sentiasa dalam rahmat dan keberkatan Allah SWT.

Terima kasih semuanya.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina, mengesah, menguji kebolehpercayaan serta mengukur amalan akauntabiliti Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir (PIMBC). Kajian ini turut memberi fokus terhadap komponen pentakrifan, pengurusan, penyampaian dan pentaksiran berdasarkan jantina, tempoh perkhidmatan dan lokasi sekolah. Selain itu, halangan amalan akauntabiliti dan faktor keberkesanan dalam pelaksanaan program ini turut dikenal pasti. Kaedah tinjauan digunakan dalam pelaksanaan kajian ini. Bagi proses pembinaan instrumen, tujuh pakar terlibat dalam mengesah kandungan instrumen. Manakala kesahan konstruk dan kebolehpercayaan instrumen pula melibatkan 100 responden. Seterusnya, kaedah tinjauan menggunakan persampelan rawak mudah dilaksanakan terhadap 395 GBK yang mengajar di sekolah menengah kebangsaan bertujuan mengukur amalan akauntabiliti terhadap pelaksanaan PIMBC. Tiga orang GBK dipilih sebagai peserta temu bual melalui persampelan bertujuan bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian. Data bagi kesahan kandungan dianalisis berdasarkan *Content Validity Index* (CVI) dan memperolehi nilai I-CVI .97. Analisis Penerokaan Faktor (EFA) dibuat untuk mengesah item dan konstruk instrumen kajian ini. Selanjutnya, nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha keseluruhan item adalah .973. Statistik deskriptif dan inferensi digunakan dalam penganalisan data. Dapatan kajian menunjukkan kesemua komponen mencatatkan skor min purata pada tahap tinggi iaitu antara 3.78 sehingga 4.05 kecuali bagi halangan amalan akauntabiliti yang mencatatkan skor sederhana iaitu 3.24. Dapatan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan signifikan bagi jantina dalam komponen pentakrifan dan pengurusan manakala komponen penyampaian dan pentaksiran tidak terdapat perbezaan signifikan. Sebaliknya, bagi tempoh perkhidmatan dan lokasi sekolah yang dianalisis menggunakan ANOVA sehala pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan bagi keempat-empat komponen. Kesimpulannya, instrumen yang dihasilkan dalam kajian ini boleh digunakan untuk mengukur amalan akauntabiliti GBK dalam pelaksanaan PIMBC. Malah, komponen yang terhasil berupaya dijadikan asas panduan dalam melaksanakan program bimbingan dan kaunseling yang lain sekali gus amalan akauntabiliti dapat terus dipraktikkan secara lebih berkesan.



CONSTRUCTION OF INSTRUMENT AND ACCOUNTABILITY PRACTICES AMONG GUIDANCE AND COUNSELING TEACHERS IN IMPLEMENTATION STUDENTS AT RISK OF DROPPING OUT INTERVENTION PROGRAM

ABSTRACT

This study aims to construct, validate, test reliability and measure the accountability practices among guidance and counseling teachers (GBK) towards the implementation of students at risk of dropping out intervention program (PIMBC). This study focuses on the components of define, manage, deliver and assess based on gender, working experienced and school location. Besides, barriers and effectiveness factors in implementing this program were also identified. The survey method was used in the implementation of this study. In the process of instrument construction, a total of seven experts were involved in the content validity. Meanwhile, the construct validity and the reliability involved 100 respondents. Furthermore, the survey method using simple random sampling implemented against 395 GBK who teach in national secondary schools aimed at measuring accountability practices towards the implementation of PIMBC. To strengthen the findings of the study, three GBK were selected as interview participants through purposive sampling. Data for content validity were analyzed based on Content Validity Index (CVI) and have obtained I-CVI value of .97. Exploration Factor Analysis (EFA) was made to confirm the items and constructs of this study instrument. Furthermore, Cronbach's Alpha reliability coefficient for all items is .973 whereas for each factor formed ranged from .804 to .965. Descriptive and inferential statistics are used in data analysis. The findings of the study showed that all components recorded an average mean score at a high level of between 3.78 to 4.05 except for the barrier of accountability practices which recorded a moderate score of 3.24. T-test findings showed that there were significant differences between the gender for define and manage component while for deliver and assess component there were no significant differences. On the other hand, working experienced and location of the school were analyzed using one-way ANOVA that showed there were no significant differences for the define, manage, deliver and asses component. In conclusion, the instruments produced in this study can be used to measure GBK accountability practices in the implementation of PIMBC. In fact, the components in the instrument can be used as a guide in implementing other guidance and counseling programs so that the practice of accountability can continue to be practiced more effectively.



KANDUNGAN

Muka surat

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang	2
1.3	Garis Panduan Murid Berisiko Cicir (GPMBC)	6
1.4	Pernyataan Masalah	8
1.5	Tujuan Kajian	14
1.6	Objektif Kajian	14
1.7	Soalan Kajian	15
1.8	Hipotesis Kajian	16
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	18

1.10	Kepentingan Kajian	19
1.11	Batasan Kajian	21
1.12	Definisi Konsep dan Operasional	22
1.12.1	Guru Bimbingan dan Kaunseling	22
1.12.2	Murid Berisiko Cicir	24
1.12.3	Akauntabiliti	25
1.12.3.1	Komponen Pentakrifan	26
1.12.3.2	Komponen Pengurusan	27
1.12.3.3	Komponen Penyampaian	27
1.12.3.4	Komponen Pentaksiran	27
1.13	Rumusan	28

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	29
2.2	Kerangka Teoritik	29
2.2.1	Model Pembinaan Instrumen Mackenzie et al.	30
2.2.2	Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan & Kaunseling	32
2.2.2.1	Teras Pengurusan Program	35
2.2.3	Model Nasional ASCA	36
2.2.3.1	Pentakrifan	38
2.2.3.2	Pengurusan	39
2.2.3.3	Penyampaian	39
2.2.3.4	Pentaksiran	40



2.2.4	Model Akauntabiliti M.E.A.S.U.R.E	40
2.2.4.1	Langkah Satu: <i>Mission</i>	41
2.2.4.2	Langkah Dua: <i>Elements</i>	41
2.2.4.3	Langkah Tiga: <i>Analyze</i>	42
2.2.4.4	Langkah Empat: <i>Stakeholders-Unite</i>	42
2.2.4.5	Langkah Lima: <i>Reanalyze, Reflect and Revise</i>	43
2.2.4.6	Langkah Enam: <i>Educate</i>	43
2.2.5	Justifikasi Kerangka Teoritikal	43
2.3	Model Pembinaan Instrumen	44
2.3.1	Kajian Pembinaan Instrumen	44
2.3.2	Model Pembinaan Instrumen Brown (1983)	46
2.3.3	Model Pembinaan Cohen dan Swerdlik (2002)	47
2.3.4	Model Pembinaan Instrumen Mackenzie et al.	48
2.3.5	Justifikasi Pemilihan Model Pembinaan Model	50
2.4	Akauntabiliti	51
2.4.1	Sejarah Akauntabiliti Kaunselor Sekolah	51
2.4.2	Konsep Akauntabiliti	54
2.4.3	Akauntabiliti dalam Konteks Lembaga Kaunselor	57
2.4.4	Kajian Berkaitan Akauntabiliti	58
2.4.4.1	Amalan Akauntabiliti	59
2.4.4.2	Jantina	65
2.4.4.3	Tempoh Perkhidmatan	66



2.4.4.4	Lokasi Sekolah	67
2.5	Model Berteraskan Akauntabiliti	69
2.5.1	Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan & Kaunseling	70
2.5.2	Model Nasional ASCA	70
2.5.3	Model Akauntabiliti M.E.A.S.U.R.E	71
2.5.4	Model IDEAS	73
2.5.5	<i>The Model for Evidence-Based School Counseling Practice</i>	74
2.5.6	<i>The Accountability Bridge Counseling Program</i>	74
2.5.7	Model Akauntabiliti GRIP	76
2.5.8	Justifikasi Pemilihan Model dalam Kajian	76
2.6	Murid Berisiko Cicir	77
2.7	Program Intervensi Murid Berisiko Cicir	88
2.8	Rumusan	99

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	100
3.2	Reka Bentuk Kajian	100
3.3	Peringkat Pembinaan Instrumen	103
3.3.1	Peringkat Reka Bentuk Instrumen	104
3.3.1.1	Tinjauan Awal	104
3.3.1.2	Kumpulan Sasaran	104
3.3.1.3	Sumber Pembinaan Item	105
3.3.1.4	Kesahan Pakar	105

3.3.2	Peringkat Pembinaan Instrumen	107
3.3.2.1	Kajian Rintis	107
3.3.2.2	Kesahan Konstruk	108
3.3.2.3	Kebolehpercayaan	109
3.4	Amalan Akauntabiliti GBK	110
3.4.1	Populasi dan Sampel Kajian	110
3.4.1.1	Kaedah Persampelan	111
3.4.2	Instrumen Kajian	113
3.4.2.1	Soal Selidik	113
3.4.2.2	Protokol Temu Bual	115
3.4.3	Prosedur Pengumpulan Data	116
3.4.3.1	Soal Selidik	116
3.4.3.2	Temu bual	120
3.4.4	Prosedur Penganalisisan Data	121
3.4.4.1	Analisis Deskriptif	123
3.4.4.2	Analisis Inferensi	124
3.4.4.3	Analisis Temu Bual	124
3.5	Pertimbangan Etika	125
3.6	Rumusan	127

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	129
4.2	Pembinaan Instrumen	130

4.2.1	Tinjauan Awal	130
4.2.2	Kerangka Sumber Pembinaan Instrumen	130
4.2.3	Jadual Sumber Pembinaan Instrumen	139
4.3	Kesahan Instrumen	147
4.3.1	Kesahan Muka	147
4.3.2	Kesahan Kandungan	148
4.3.3	Kesahan Konstruk	155
4.4	Kebolehpercayaan Instrumen	159
4.5	Ujian Kenormalan	160
4.6	Profil Responden	161
4.6.1	Jantina Responden	161
4.6.2	Tempoh Perkhidmatan	161
4.6.3	Lokasi Sekolah	162
4.6.4	Sampel Responden	162
4.6.5	Peserta Temu Bual	163
4.7	Analisis Deskriptif	163
4.7.1	Amalan Akauntabiliti GBK	163
4.7.1.1	Komponen Pentakrifan	164
4.7.1.2	Komponen Pengurusan	166
4.7.1.3	Komponen Penyampaian	170
4.7.1.4	Komponen Pentaksiran	173
4.7.2	Halangan Amalan Akauntabiliti	176

4.7.3	Faktor Keberkesanan Pelaksanaan PIMBC	179
4.8	Analisis Inferensi	181
4.8.1	Amalan Akauntabiliti GBK dalam Komponen Pentakrifan Berdasarkan Demografi	181
4.8.2	Amalan Akauntabiliti GBK dalam Komponen Pengurusan Berdasarkan Demografi	183
4.8.3	Amalan Akauntabiliti GBK dalam Komponen Penyampaian Berdasarkan Demografi	185
4.8.4	Amalan Akauntabiliti dalam Komponen Pentaksiran Berdasarkan Demografi	187
4.9	Ringkasan Dapatan Kajian	189
4.9.1	Ringkasan Dapatan Kajian Analisis Deskriptif	189
4.9.2	Ringkasan Dapatan Kajian Analisis Inferensi	189
4.10	Kesimpulan	190

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	192
5.2	Ringkasan Kajian	193
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	194
5.3.1	Pembinaan, Pengesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	194
5.3.2	Amalan Akauntabiliti GBK	197
5.3.3	Amalan Akauntabiliti GBK Komponen Pentakrifan Berdasarkan Demografi	200
5.3.4	Amalan Akauntabiliti GBK Komponen Pengurusan Berdasarkan Demografi	203
5.3.5	Amalan Akauntabiliti GBK Komponen Penyampaian Berdasarkan Demografi	208
5.3.6	Amalan Akauntabiliti GBK Komponen Pentaksiran Berdasarkan Demografi	212
5.3.7	Halangan Amalan Akauntabiliti	217
5.3.8	Faktor Keberkesanan Pelaksanaan PIMBC	220

5.4	Implikasi Kajian	223
5.4.1	Pihak Berkepentingan	224
5.4.2	Reka Bentuk Kajian	226
5.4.3	Aspek Teoritik	228
5.4.4	Aspek Praktikal	230
5.5	Cadangan	231
5.5.1	Guru Bimbingan dan Kaunseling	231
5.5.2	Pihak Sekolah	231
5.5.3	Masyarakat	232
5.5.4	Kementerian Pendidikan Malaysia	232
5.5.5	Institusi Pengajian Tinggi (IPT)	233
5.5.6	Kajian Lanjutan	233
5.6	Rumusan	235
RUJUKAN		236
LAMPIRAN		276

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Muka surat
3.1	Klasifikasi Indeks Kebolehppercayaan 110
3.2	Saiz sampel mengikut jumlah populasi 111
3.3	Kriteria Pemilihan Peserta Kajian 112
3.4	Instrumen Amalan Akauntabiliti GBK dalam PIMBC 114
3.5	Skala Likert dalam Instrumen 115
3.6	Prosedur Pengumpulan Soal Selidik 119
3.7	Analisis Statistik bagi setiap soalan kajian 121
3.8	Interpretasi Skor Min 124
4.1	Instrumen Kriteria Murid Berisiko Cicir 135
4.2	Jadual Sumber Pembinaan Item 140
4.3	Dapatan Kesahan Muka 148
4.4	Bilangan pakar CVI 149
4.5	Definisi dan rumus indeks CVI 149
4.6	Penskoran I-CVI Berdasarkan Penilaian Pakar 151
4.7	Panduan Kriteria EFA 156
4.8	KMO dan Ujian Bartlett 157
4.9	Rumusan Dapatan Analisis Faktor Penerokaan 158



4.10	Statistik Kebolehpercayaan	159
4.11	Skewness dan Kurtosis Pemboleh Ubah Kajian	161
4.12	Jantina Responden	161
4.13	Pengalaman Perkhidmatan Responden	162
4.14	Lokasi Sekolah	162
4.15	Pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir (PIMBC)	163
4.16	Analisis Deskriptif	164
4.17	Skor Min Item Komponen Pentakrifan (Langkah Satu: Misi)	165
4.18	Skor Min Item Komponen Pengurusan (Langkah Dua: Elemen)	166
4.19	Skor Min Item Komponen Pengurusan (Langkah Tiga: Menganalisis)	168
4.20	Skor Min Item Komponen Pengurusan (Langkah Empat)	171
4.21	Skor Min Item Komponen Pentaksiran (Langkah Lima)	174
4.22	Skor Min Komponen Pentaksiran (Langkah Enam: Mendidik)	175
4.23	Analisis Deskriptif Halangan Amalan Akauntabiliti	176
4.24	Skor Min Item Halangan Amalan Akauntabiliti	177
4.25	Analisis Deskriptif Faktor Keberkesanan Pelaksanaan PIMBC	179
4.26	Skor Min Item Faktor Keberkesanan Pelaksanaan PIMBC	180
4.27	Perbezaan Komponen Pentakrifan Berdasarkan Jantina	182
4.28	Perbezaan Komponen Pentakrifan Berdasarkan Tempoh	182

4.29	Perbezaan Komponen Pentakrifan Berdasarkan Lokasi Sekolah	183
4.30	Perbezaan Komponen Pengurusan Berdasarkan Jantina	184
4.31	Perbezaan Komponen Pengurusan Berdasarkan Tempoh	184
4.32	Perbezaan Komponen Pengurusan Berdasarkan Lokasi Sekolah	185
4.33	Perbezaan Komponen Penyampaian Berdasarkan Jantina	186
4.34	Perbezaan Komponen Penyampaian Berdasarkan Tempoh	186
4.35	Perbezaan Komponen Penyampaian Berdasarkan Lokasi Sekolah	187
4.36	Perbezaan Komponen Pentaksiran Berdasarkan Jantina	187
4.37	Perbezaan Komponen Pentaksiran Berdasarkan Tempoh	188
4.38	Perbezaan Komponen Pentaksiran Berdasarkan Lokasi Sekolah	188
4.39	Ringkasan Dapatan Kajian Analisis Deskriptif	189
4.40	Ringkasan Dapatan Kajian Analisis Inferensi	190

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1. Kerangka Konseptual Kajian	19
2.1. Kerangka Teoritikal Kajian	30
2.2. Model Pembinaan Instrumen Mackenzie et al. (2011)	31
2.3. Model Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	34
2.4. Model Nasional ASCA	38
2.5. Model Pembinaan Brown	47
2.6. Model Pembinaan Cohen dan Swerdlik (2002)	48
2.7. Model Pembinaan Instrumen Mackenzie et al. (2011)	50
3.1. Proses kajian	103
4.1. Kerangka Sumber Pembinaan Item	132

SENARAI SINGKATAN

ASCA	<i>American School Counselor Association</i>
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
GPMBC	Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir
GBK	Guru Bimbingan dan Kaunseling
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PIMBC	Program Intervensi Murid Berisiko Cicir
UNICEF	<i>United Nations Children's Fund</i>

**SENARAI LAMPIRAN**

	Muka surat
A Pengesahan Pelajar untuk Membuat Penyelidikan	276
B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	277
C Surat Kelulusan Menjalankan Kajian JPN	278
D Etika Penyelidikan Bagi Pelajar Program Pengajian Siswazah UPSI	283
E Data Guru Bimbingan dan Kaunseling	284
F Soal Selidik	285
G Protokol Temu Bual Separa Struktur	295
H Profil Pakar Kesahan Kandungan	298
I Pengiraan Content Validation Index I-CVI	299
J Kesahan Konstruk	301
K Ujian Normaliti Data	313
L Analisis Deskriptif	314
M Analisis Ujian-t	321
N Analisis ANOVA Sehala Bagi Tempoh Perkhidmatan	323
O Analisis ANOVA Sehala Bagi Lokasi Sekolah	327
P Senarai Terbitan Jurnal/Persidangan	330
Q Laporan “Turnitin”	331





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian berkaitan pembinaan instrumen berkaitan amalan akauntabiliti guru bimbingan dan kaunseling (GBK) dalam pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir (PIMBC). Seterusnya, perbincangan tentang pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian dan kepentingan kajian dihuraikan diikuti dengan perbincangan terhadap kerangka konseptual kajian. Definisi kajian turut dihuraikan bagi menjelaskan istilah yang digunakan dalam kajian ini.





1.2 Latar Belakang

Pendidikan adalah hak asasi manusia. Ia merupakan asas untuk kanak-kanak berkembang, memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk membangunkan potensi penuh mereka serta hidup sebagai ahli masyarakat yang produktif (*United Nations Children's Fund* [UNICEF], 2017). Usaha mendidik merupakan proses pembangunan manusia yang perlu dilaksanakan secara konsisten terutama dalam usaha menangani keciciran (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2018; Ungureanu, 2017) dalam kalangan murid yang merupakan pewaris legasi negara. Hal ini selari dengan falsafah bimbingan dan kaunseling yang terkandung di dalam Buku Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah dan Rendah (KPM, 2015) yang menyatakan bahawa setiap murid mempunyai potensi yang boleh dididik secara optimum melalui perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang cekap, berkesan dan beretika berteraskan sumber dalaman dan luaran (*American School Counselor Association* [ASCA], 2012a).

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 telah berada di gelombang kedua memacu peningkatan sistem (2016 – 2020) (KPM, 2012), antara hasrat PPPM ialah memastikan penyertaan dalam pendidikan rendah dan menengah. KPM (2019a) dalam Laporan Tahunan 2018 PPPM 2013-2025 menjelaskan matlamat kementerian ke arah mencapai enrolmen sejagat menjelang tahun 2020. Pendidikan wajib bagi semua murid di Malaysia ialah dari tahun satu sehingga tahun enam dilaksanakan sejak tahun 2003. KPM (2019a) menyatakan enrolmen murid tahun 2018 menunjukkan peringkat rendah mencapai 97.8% manakala peringkat menengah atas 87.2%. Perbezaan peratusan yang amat ketara iaitu





sebanyak 10.6% (KPM, 2019a). Enrolmen transisi dari peringkat menengah rendah ke menengah atas pada tahun 2018 juga sangat besar jurangnya iaitu sebanyak 8.1% iaitu dari 95.3% (menengah rendah) ke 87.2% (menengah atas). Peratus keciciran sekolah menengah mencatatkan kadar keciciran sebanyak 1.21% berbanding sekolah rendah 0.15% (KPM, 2019a). Oleh itu, menjadi cabaran besar untuk mengekalkan dan mencapai enrolmen sejagat bagi pendidikan menengah atas khususnya. Sehubungan dengan itu, kerajaan sedang mengkaji semula Akta Pendidikan untuk mewajibkan semua murid melengkapkan persekolahan dari darjah satu sehingga tamat tingkatan lima (Utusan Online, 2019).

Laporan Murad (Murad Mohd Noor, 1973) telah memberi dimensi baharu dalam kajian berkaitan keciciran. Setelah itu, terdapat juga kajian keciciran telah dijalankan terutama melibatkan Orang Asli di Malaysia (Sheera Nabila Singar & Azizan Zainuddin, 2017; Mohamad Hanif Zakaria, 2011; Mohd Johdi Salleh & Abdul Razak Ahmad, 2009), masyarakat India (S. Rajanthiran, 2004; Punanesvaran, 2004) serta kajian secara umum (Siti Eshah Mokshein, Wong & Haniz Ibrahim, 2016; Zakiyah Jamaluddin, 2011; Dolly Paul Carlo, 2006; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan [BPPDP], 1996). Walau bagaimanapun, kajian berkaitan murid berisiko cecir adalah sangat terhad tetapi masalah keciciran tetap berlaku (Siti Eshah Mokshein et al., 2016; Zakiyah Jamaluddin, 2011). Patel (2014) menyatakan seharusnya kajian komprehensif berkaitan keciciran dan golongan yang berisiko cecir dilaksanakan di Malaysia untuk memahami isu ini lebih mendalam termasuklah dalam pengumpulan data dan definisi jelas berkaitan keciciran serta statistik keciciran.





Justeru, langkah proaktif wajar diambil dengan kadar segera demi memastikan masa depan murid terbabit terjamin. Sehubungan dengan itu, KPM telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan enrolmen namun isu murid tercicir di sekolah rendah dan menengah masih berlaku sehingga kini. Justeru, KPM (2018) telah menguatkuasakan GPMBC pada 1 Jun 2018 untuk membantu pihak sekolah menguruskan dan menjalankan program intervensi ke atas murid yang dikenal pasti berisiko cicir.

Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) telah diberi tanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program intervensi bagi murid berisiko cicir ini mengikut kesesuaian berdasarkan sekolah masing-masing. Ini membuktikan GBK memainkan peranan penting dalam konteks pendidikan negara khususnya dalam aspek kemenjadian sahsiah murid sebagaimana yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Oleh itu, penting untuk GBK merancang dan melaksanakan program intervensi ini secara sistematik untuk memastikan matlamat program tercapai. Ini kerana, cabaran kaunselor profesional abad ke-21 memerlukan hasil program dan keberkesanan perkhidmatan kaunseling dibuktikan di dalam sektor pendidikan (Erford, 2015a) yang selaras dengan misi sekolah dan menyediakan sokongan emosi terhadap murid (ASCA, 2020).

Peranan kaunselor di sekolah menengah terus berkembang dalam memenuhi perubahan dan kehendak komuniti sekolah lantas pelaksanaan program kaunseling yang komprehensif haruslah konsisten sekali gus membantu meningkatkan tahap kepuasan kerja dan memberi manfaat kepada murid (Camelford & Ebrahim, 2017). McKee dan Caldarella (2016) mendapati murid berisiko lebih cenderung untuk berjaya menamatkan persekolahan seandainya intervensi mencukupi diberikan





bermula dari peringkat awal murid memasuki alam sekolah menengah. Lantas, dalam memenuhi keperluan dari peringkat awal perancangan sehingga akhir pelaksanaan adalah signifikan untuk kaunselor sekolah menjalankan amalan akauntabiliti dengan menunjukkan data sebagai bukti menyokong keberkesanan program (Putri, Neviyarni, Ahmad & Syukur, 2018). Ini kerana akauntabiliti merupakan tanggungjawab untuk tindakan seseorang terutamanya dari segi mewujudkan objektif, melaksanakan prosedur dan menggunakan hasil untuk penambahbaikan program. Tambahan pula, aspek ini melibatkan penetapan matlamat, mengenal pasti apa yang telah dilakukan dan mengumpulkan maklumat yang menyokong setiap hasil dapatan (Myrick, 2003).

Pada masa kini, akauntabiliti menjadi kebimbangan utama dalam kalangan kaunselor (Karataş, Yavuzer & Tagay, 2020; Erford, 2015a). Kaunselor sekolah mengalami peningkatan dalam tuntutan akauntabiliti kerana aspek ini berfungsi untuk membantu murid sekali gus meningkatkan identiti profesional kaunselor sekolah (Putri et al., 2018; Erford, 2015a). Hal ini selaras dengan tuntutan profesional yang terkandung di dalam Kod Etika Kaunselor memerlukan kaunselor untuk melaksanakan tugas secara profesional dan beramanah (Lembaga Kaunselor Malaysia, 2011). Tambahan pula, akauntabiliti merupakan kunci bagi menentukan kejayaan program kaunseling sekolah (Karataş, et al., 2020; White, 2007).

Melalui tinjauan literatur, pengkaji mendapati masih belum banyak instrumen berkaitan amalan akauntabiliti dalam kalangan GBK khususnya di Malaysia. Rentetan itu, fokus kajian ini adalah terhadap aspek pembinaan instrumen dan amalan akauntabiliti GBK dalam pelaksanaan PIMBC di sekolah agar tanggungjawab yang diberikan sebagai perancang dan pelaksana mampu digalas secara berkesan. Hal ini





berkesinambungan bagi memastikan matlamat PIMBC tercapai sekali gus memperkukuhkan identiti profesional GBK (ASCA, 2020).

1.3 Garis Panduan Murid Berisiko Cicir (GPMBC)

Pengenalan PIMBC merupakan langkah proaktif yang diambil oleh KPM (2018) dalam menangani isu murid berisiko cicir. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)], KPM (2016) mendapati murid berisiko cicir di Malaysia pada tahun 2016 berjumlah 9386 orang murid sekolah menengah berisiko tinggi untuk tercicir daripada sistem persekolahan murid yang meliputi 4.3%. Hal ini menunjukkan keperluan intervensi berkesan untuk menangani permasalahan ini. Oleh hal yang demikian, definisi keciciran dan kajian rintis instrumen kriteria murid berisiko cicir telah dilaksanakan pada tahun 2016. Disusuli pula Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir (GPMBC) diperkenalkan pada tahun 2017 dengan kajian rintis melibatkan negeri Kedah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Seterusnya, surat pekeliling ikhtisas berkaitan GPMBC telah dikeluarkan pada tahun 1 Jun 2018 dengan pelaksanaan PIMBC di seluruh sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di Malaysia.

Murid Berisiko Cicir (MBC) didefinisikan sebagai murid yang berada dalam sistem pendidikan (bersekolah) tetapi menunjukkan kebarangkalian yang tinggi untuk keluar dari sistem sebelum tamat tempoh pendidikan. Matlamat GPMBC ini bagi memastikan semua murid kekal dalam sistem persekolahan sehingga tamat pendidikan rendah dan menengah. Objektif GPMBC ialah: i) membantu pihak sekolah mengenal pasti murid berisiko cicir; ii) membantu pihak sekolah mengurus murid berisiko cicir



secara berkesan dan sistematik; iii) memastikan pemantauan murid khususnya murid berisiko cicir dapat dibuat oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah secara berterusan.

Mengurus MBC adalah menjadi peranan semua pihak di KPM iaitu BPPDP dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), JPN, PPD, sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Proses kerja pengurusan murid berisiko cicir dalam kajian ini memberi fokus terhadap proses kerja peringkat sekolah yang melibatkan GBK sahaja iaitu:

- i) GBK akan menjalankan intervensi yang bersesuaian (individu/berkumpulan) bagi memastikan murid berisiko cicir tidak akan tercicir dalam sistem persekolahan KPM. Modul Intervensi Murid Berisiko Cicir Sekolah Rendah dan Menengah: Kaunseling Berfokus Serlahkan keunggulan Diri (SUDI) boleh dirujuk melalui Sistem Profil Kerjaya Murid (SePKM);
- ii) Bagi memastikan intervensi yang dijalankan berkesan, penyimpanan rekod setiap murid adalah penting. GBK perlu merekod kehadiran murid dalam program intervensi yang dijalankan (Borang Kehadiran Murid);
- iii) Guru tingkatan perlu bekerjasama dengan GBK bagi menilai kemajuan murid semasa dan selepas pelaksanaan program intervensi; dan
- iv) GBK perlu mengisi borang Penilaian Impak Program Intervensi Murid Berisiko Cicir (Borang PIMBCa) dan hantar kepada PK HEM untuk semakan. GPK HEM menghantar borang PIMBCa kepada PPD sebelum atau pada 15 September setiap tahun.

Justeru, kajian ini memberikan tumpuan terhadap peranan yang diberikan kepada GBK di sahaja. Sehubungan itu, berdasarkan SPI Bil. 4/2018 berkaitan GPMBC, GBK telah diberikan peranan dan tanggungjawab seperti berikut:

- i) Merancang dan melaksanakan program intervensi bagi murid berisiko cicir;
- ii) Memastikan perekodan yang sistematik dalam pelaksanaan program intervensi murid berisiko cicir;
- iii) Bekerjasama dengan PIBG, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri untuk melaksanakan program intervensi murid berisiko cicir;
- iv) Menjadikan isu murid berisiko cicir sebagai fokus utama dalam pengendalian sesi kaunseling;
- v) Mengadakan konsultasi dengan guru kelas, guru mata pelajaran, ibu bapa dan pihak lain untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang tingkah laku, tahap kesihatan dan lain-lain keterangan mengenai latar belakang murid; dan
- vi) Menghadiri kursus/bengkel/taklimat berkaitan dengan intervensi keciciran yang dianjurkan oleh KPM/JPN/PPD.

Oleh itu, GBK seharusnya menerima dan menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh akauntabiliti agar matlamat utama PIMBC tercapai.

1.4 Pernyataan Masalah

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling telah diperkenalkan di dalam sistem persekolahan di Malaysia sejak tahun 1960an (KPM, 2015) dan diiktiraf sebagai profesion yang profesional dengan termeterainya Akta Kaunselor 1998. Pelbagai jenis



latihan telah diberikan oleh pihak KPM kepada GBK dalam menjalankan aktiviti bimbingan dan kaunseling sejak dari tahun 1969 lagi. Namun, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah-sekolah di Malaysia belum lagi menampakkan kecemerlangannya walaupun telah hampir 50 tahun diperkenalkan (Abdul Malek Abdul Rahman, Nor Junainah Mohd Isa & Azizah Atan, 2013).

Isu yang dikaitkan dengan kecemerlangan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah ialah kajian yang kurang berkaitan keberkesanan, permasalahan dalam pelaksanaan program, tanggungjawab GBK serta faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan sesuatu program (Fauziah Hanim Jalal, Nurul 'Ain Daud & Nazariah Abd Samad, 2015). Walaupun kaedah intervensi modul pendekatan psikologi kaunseling dalam meningkatkan kehadiran murid ke sekolah (Mirala Sathia Sheelan & Abu Yazid Abu Bakar, 2019; Nurhaiza Che Mat, 2017; strategi kepimpinan dalam mengenal pasti murid berisiko cicir (Azlin Norhaini Mansor, Mohamed Yusoff Mohd Nor, Sharmini & Aida Hanim A. Hamed, 2018); komponen kemahiran kehidupan yang diperlukan oleh murid berisiko serta tindakan pihak sekolah dalam membantu kumpulan ini (Azlin Norhaini Mansor, Suria Huszaini, Umami Salamah Samadi & Intan Farahana, 2015) dan keperluan kemahiran kehidupan murid berisiko cicir (Azlin Norhaini Mansor, Umami Salamah Samadi, Mohamad Sattar Rasul, Khadijah Abdul Razak, Mohamad Yusoff Mohd Nor & Norhayati Mohd. Noor, 2014) telah dilaksanakan namun fokus berkaitan akauntabiliti GBK dalam pelaksanaan program intervensi masih kurang dihubungkan secara jelas. Sedangkan akauntabiliti dalam program kaunseling sekolah adalah penting dalam era amalan berasaskan bukti (Karataş, et al., 2020; Tanhan, Karaman & Nalbant, 2020; Zyromski, Dimmitt, Mariani & Griffith, 2018; Erford, 2015a; Whiston, Tai, Rahardja





& Eder, 2011) kerana ia merupakan kunci dalam menentukan keberkesanan program kaunseling sekolah (Karataş, et al., 2020; Young & Bryan, 2015; White, 2007).

Dalam konteks perbincangan ini, umum mengetahui bahawa GBK tidak terlepas daripada amalan akauntabiliti dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Pelaksanaan akauntabiliti sebenarnya membantu kaunselor sekolah dalam menjawab persoalan bagaimana murid mendapat manfaat hasil daripada program kaunseling melalui pentakrifan matlamat program, menggabungkan data pada peringkat pengurusan, penyampaian dan pentaksiran data pada peringkat akhir program (Studer, 2015; ASCA, 2012b). Ini kerana perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mampu memberi manfaat kepada pihak sekolah dalam meningkatkan kecemerlangan sekolah (Tengku Elmi Azlina Tengku Muda & Noriah Mohd Ishak, 2014). Namun sebahagian daripada GBK sama ada di sekolah menengah mahupun di sekolah rendah dilihat masih kabur terhadap tugas dan peranan profesional serta tidak berupaya membantu secara efektif dalam penyelesaian masalah yang dihadapi oleh organisasi (Mohamad Hashim Othman & Sharifah Amnah Syed Ahmad, 2006). Selain daripada itu, sebilangan GBK juga kurang menjalankan tugas dan khidmat secara berkesan (Tengku Elmi Azlina Tengku Muda & Noriah Mohd Ishak, 2014) dan aspek ini memberi impak terhadap keberkesanan program kaunseling sekolah.

Kajian membuktikan bahawa kaunselor sekolah yang terlibat dalam amalan akauntabiliti berupaya meningkatkan keberkesanan program kaunseling dan membantu murid mendapat hasil yang positif (Paolini, 2019; Sink, Cooney & Adkins, 2017; Carey, Harrington, Martin & Hoffman, 2012) serta meningkatkan efikasi sendiri murid berbanding kaunselor yang tidak mempraktikkan amalan tersebut (Paolini, 2015). Hal ini menunjukkan amalan akauntabiliti ini membantu kaunselor





sekolah untuk mengenal pasti keberkesanan dan menunjukkan bagaimana perubahan murid hasil usaha kaunselor (ASCA, 2020). Justeru, sekiranya GBK tidak melaksanakan amalan akauntabiliti ini dikhuatiri isu sahsiah dan disiplin murid akan terus meningkat (Fauziah Hanim Jalal, Nurul 'Ain Daud & Nazariah Abd Samad, 2015). Hal ini dapat dilihat melalui Laporan Tahunan 2018 PPPM 2013-2025 (KPM, 2019) menyatakan kes murid yang terlibat dalam salah laku berat dan ringan menunjukkan peningkatan sebanyak 2.25% dari tahun 2017. Salah laku ini menunjukkan murid yang terlibat adalah berisiko untuk cicir selaras dengan faktor risiko yang dinyatakan oleh KPM (2018). Selain itu, berdasarkan Surat Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 24 Jun 2014 bertajuk Pelaksanaan Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah mendapati pelaksanaan perekayasaan di peringkat sekolah adalah pada tahap kurang memuaskan. Hal ini perlu diberi perhatian serius dengan melihat punca kegagalan guru bimbingan dan kaunseling memberi fokus kepada perekayasaan tersebut (Hamidah Mahmud, 2017).

Dalam masa yang sama, elemen pentakrifan, pengurusan, penyampaian dan pentaksiran merupakan elemen yang perlu dititikberatkan seterusnya dihubungkan dalam menjalankan sesebuah program intervensi (Studer, 2015; ASCA, 2012b). Hal ini bagi memastikan amalan akauntabiliti dilaksanakan dengan teliti agar keberkesanan program tercapai (Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, 2006). Ini kerana pengabaian terhadap aspek akauntabiliti boleh menyebabkan kaunselor sekolah dilihat kurang bertanggungjawab (Sink, 2002), tidak dapat membuktikan hasil kerja (Karataş et al., 2020) serta pentaksiran impak program kaunseling ke atas pencapaian sekolah tidak dapat dilaksanakan (Stone & Dahir, 2007). Oleh itu, isu ini menjadi keperluan untuk dikaji memandangkan usaha menangani murid berisiko cicir adalah berpandukan program kaunseling yang berkesan melalui strategi akauntabiliti



(Wehrman, Williams, Field & Schroeder, 2010) serta memenuhi keperluan murid (Mohd Azli Jailani, Sofea Elias & Nuzha Mohd Taha, 2019).

Maka, kajian berkaitan akauntabiliti dilihat sebagai pemangkin untuk meningkatkan kredibiliti kaunselor sekolah dan kaedah dalam menentukan hasil dalam pelaksanaan program kaunseling sekolah (Awalya, Arif Taufiq, Endang, Afra, Weni & Susilawati, 2020; Gysbers, 2010; Sink, 2009; Whiston, 1996). Namun, kajian amalan akauntabiliti kurang dilaksanakan oleh kebanyakan kaunselor (Brink, 2013; Budenz, 2012; Perera-Diltz & Mason, 2010; Topdemir, 2010; Edwards, 2009) sedangkan untuk mencapai matlamat keberkesanan ini, program intervensi kaunseling wajar didokumentasikan secara sistematik serta amalan akauntabiliti yang bersifat berterusan (Astramovich, Hoskins & Erford, 2015; Edwards, 2009). Hakikatnya, GBK sepenuh masa di Malaysia merupakan golongan terlatih yang memperoleh sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda dalam bidang kaunseling diiktiraf (Salleh Amat, 2018) dan tertakluk terhadap kod etika kaunselor yang digariskan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia. Kod Etika ini berfungsi membantu GBK dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan profesional (Ng & Ahmad Jazimin Jusoh, 2015). Dalam hal ini, akauntabiliti dalam kalangan GBK adalah selaras dengan kehendak yang terkandung di dalam Kod Etika yang digariskan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia. Selain itu, ASCA turut menjelaskan bahawa piawaian etika ini menentukan indikator kebertanggungjawaban kaunselor sekaligus meningkatkan profesion dan menyokong amalan akauntabiliti dalam perkhidmatan program kaunseling (Sink, Adkins, Cooney & Garverick, 2018).

Perkhidmatan kaunseling sememangnya membantu murid mengembangkan keperibadian, pendidikan dan perkembangan kerjaya (Salleh Amat, 2018). Arfasa dan



Weldmeskel (2020) menyimpulkan bahawa implikasi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mempengaruhi kesejahteraan diri murid sekolah menengah. Lantas bagaimana kaunselor menjalankan perkhidmatan kaunseling menjadi isu akauntabiliti yang memerlukan perhatian dari aspek penyelidikan (Mau, Li & Hoetmer, 2016) terutama dari aspek instrumen yang digunakan. Instrumen yang bersesuaian merupakan aspek penting dalam mengukur amalan akauntabiliti dan ianya harus berupaya mengukur isu yang disasarkan, memiliki integriti psikometrik serta mudah ditadbir (Bardhoshi, Cobb & Erford, 2018). Terdapat kajian berkaitan dengan instrumen untuk mengukur profesionalisme GBK sekolah rendah berdasarkan komponen kemahiran, pengetahuan dan nilai peribadi (Hamidah Mahmud, 2017). Kajian Hamidah Mahmud (2017) ini mengupas dari aspek kepentingan profesionalisme GBK memandangkan tugas dan tanggungjawab GBK bukan sekadar memberikan pengetahuan malah meliputi pembentukan sikap dan jiwa murid yang mampu bertahan dengan cabaran semasa. Walau bagaimanapun, kajian berkaitan instrumen amalan akauntabiliti di Malaysia masih belum ditemui oleh pengkaji.

Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan untuk membina instrumen yang dapat digunakan dalam mengukur amalan akauntabiliti GBK dalam pelaksanaan PIMBC. Kajian ini juga meninjau dari peringkat awal perancangan program sehingga peringkat pentaksiran. Justeru, pengkaji berharap agar kajian ini dapat menyumbang terhadap pembinaan instrumen untuk mengukur amalan akauntabiliti GBK sekali gus menjadi panduan dalam melaksanakan program kaunseling yang komprehensif dan berkesan.





1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membina, mengesah, menguji kebolehpercayaan dan mengukur amalan akauntabiliti guru bimbingan dan kaunseling terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir.

1.6 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian di atas, objektif kajian telah dibentuk seperti berikut:

1.6.1 Membina, mengesah dan mengukur kebolehpercayaan instrumen amalan akauntabiliti guru bimbingan dan kaunseling terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir.

1.6.2 Mengukur amalan akauntabiliti guru bimbingan dan kaunseling terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir berdasarkan komponen pentakrifan, pengurusan, penyampaian dan pentaksiran.

1.6.3 Mengukur amalan akauntabiliti komponen pentakrifan guru bimbingan dan kaunseling terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir berdasarkan demografi.

1.6.4 Mengukur amalan akauntabiliti komponen pengurusan guru bimbingan dan kaunseling terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir berdasarkan demografi.

1.6.5 Mengukur amalan akauntabiliti komponen penyampaian guru bimbingan dan kaunseling terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir berdasarkan demografi.





- 1.6.6 Mengukur amalan akauntabiliti komponen pentaksiran guru bimbingan dan kaunseling terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir berdasarkan demografi.
- 1.6.7 Mengenal pasti halangan amalan akauntabiliti guru bimbingan dan kaunseling terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir.
- 1.6.8 Mengenal pasti faktor keberkesanan pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling.

1.7 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang telah dibentuk, maka kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

- 1.7.1 Bagaimanakah pembinaan instrumen amalan akauntabiliti guru bimbingan dan kaunseling terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir?
- 1.7.2 Apakah nilai pekali kesahan instrumen amalan akauntabiliti guru bimbingan dan kaunseling terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir?
- 1.7.3 Apakah nilai pekali kebolehpercayaan instrumen amalan akauntabiliti guru bimbingan dan kaunseling terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir?
- 1.7.4 Apakah tahap amalan akauntabiliti guru bimbingan dan kaunseling terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir berdasarkan komponen pentakrifan, pengurusan, penyampaian dan pentaksiran?



- 1.7.5 Adakah terdapat perbezaan signifikan amalan akauntabiliti komponen pentakrifan guru bimbingan dan kaunseling terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir berdasarkan faktor demografi?
- 1.7.6 Adakah terdapat perbezaan signifikan amalan akauntabiliti komponen pengurusan guru bimbingan dan kaunseling terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir berdasarkan faktor demografi?
- 1.7.7 Adakah terdapat perbezaan signifikan amalan akauntabiliti komponen penyampaian guru bimbingan dan kaunseling terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir berdasarkan faktor demografi?
- 1.7.8 Adakah terdapat perbezaan signifikan amalan akauntabiliti komponen pentaksiran guru bimbingan dan kaunseling terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir berdasarkan faktor demografi?
- 1.7.9 Apakah halangan amalan akauntabiliti guru bimbingan dan kaunseling terhadap pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir?
- 1.7.10 Apakah faktor keberkesanan pelaksanaan Program Intervensi Murid Berisiko Cicir dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling?

1.8 Hipotesis Kajian

Hipotesis ini dibentuk untuk menjawab objektif kajian ketiga, keempat, kelima dan keenam.

Ho1 Tidak terdapat perbezaan signifikan komponen pentakrifan berdasarkan jantina.





Ho2 Tidak terdapat perbezaan signifikan komponen pentakrifan berdasarkan tahun perkhidmatan.

Ho3 Tidak terdapat perbezaan signifikan komponen pentakrifan berdasarkan jenis sekolah.

Ho4 Tidak terdapat perbezaan signifikan komponen pengurusan berdasarkan jantina.

Ho5 Tidak terdapat perbezaan signifikan komponen pengurusan berdasarkan tahun perkhidmatan.

Ho6 Tidak terdapat perbezaan signifikan komponen pengurusan berdasarkan jenis sekolah.

Ho7 Tidak terdapat perbezaan signifikan komponen penyampaian berdasarkan jantina.

Ho8 Tidak terdapat perbezaan signifikan komponen penyampaian berdasarkan tahun perkhidmatan.

Ho9 Tidak terdapat perbezaan signifikan komponen penyampaian berdasarkan jenis sekolah.

Ho10 Tidak terdapat perbezaan signifikan komponen pentaksiran berdasarkan jantina.

Ho11 Tidak terdapat perbezaan signifikan komponen pentaksiran berdasarkan tahun perkhidmatan.

Ho12 Tidak terdapat perbezaan signifikan komponen pentaksiran berdasarkan jenis sekolah.



1.9 Kerangka Konseptual Kajian


Kerangka konseptual kajian ini menerusi rajah 1.1 memberi gambaran secara keseluruhan amalan akauntabiliti GBK dalam pelaksanaan PIMBC. Pembinaan instrumen ini merujuk kepada Mackenzie, Podsakoff dan Podsakoff (2011) yang membentuk kepada objektif pertama. Pembinaan instrumen ini turut melibatkan enam bahagian utama iaitu: konsep; penghasilan item; penentuan model; penentuan skala dan pengubahsuaian; kesahan; dan penentuan model. Ianya juga merangkumi sepuluh langkah yang melibatkan proses berturutan ke arah menghasilkan instrumen yang sah dan boleh ditadbirkan kepada sampel sebenar.

Merujuk kepada konstruk yang membentuk Amalan Akauntabiliti GBK dalam pelaksanaan PIMBC, pengkaji telah memperolehnya melalui beberapa sumber utama iaitu melalui Model Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, Model Nasional ASCA dan Model M.E.A.S.U.R.E. Konstruk yang diasaskan ini mengandungi empat komponen yang merangkumi enam langkah akauntabiliti. Justeru, ia membantu untuk menjawab objektif kedua.

Kajian ini turut mengukur amalan akauntabiliti GBK berdasarkan faktor demografi iaitu jantina, tempoh perkhidmatan dan lokasi sekolah. Hal ini menjawab objektif ketiga, keempat, kelima dan keenam. Seterusnya, pengkaji turut mengenal pasti dari aspek halangan amalan akauntabiliti dan faktor keberkesanan untuk menjawab objektif ketujuh dan kelapan.

Keseluruhan daripada proses yang dilaksanakan ini menghasilkan suatu sumbangan kepada ilmu sama ada menerusi aspek teori, praktikal dan metod kajian berdasarkan pembinaan instrumen dan panduan dalam melaksanakan langkah-langkah akauntabiliti. Aspek ini bersandarkan penelitian, pengujian, penganalisan dan

pengintepretasian yang mendalam berasaskan objektif dan soalan kajian yang telah ditetapkan.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

1.10 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Kajian ini menyumbang terhadap penghasilan instrumen amalan akauntabiliti GBK dalam pelaksanaan PIMBC. Walaupun fokus intrumen adalah kepada PIMBC namun asas komponen dan langkah yang terdapat dalam instrumen ini boleh digunakan dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.
- ii) Kajian ini penting untuk mengenal pasti amalan akauntabiliti GBK di sekolah menengah terhadap pelaksanaan program intervensi murid berisiko cicir. Ini

dapat membantu GBK khususnya sebagai agen perancang dan pelaksana dalam meningkatkan kefahaman berkaitan aspek akauntabiliti pelaksanaan program intervensi murid berisiko cicir. Sekali gus, memastikan GBK berada pada landasan tepat dalam pengendalian program intervensi ini.

- iii) Kajian ini menghurai dan memperincikan pelaksanaan program berdasarkan dari komponen pentakrifan, pengurusan, penyampaian dan pentaksiran. Jalinan komponen ini berupaya memperlihatkan bagaimana GBK melaksanakan program intervensi seterusnya amalan akauntabiliti GBK dapat didokumentasikan.
- iv) Kepentingan kajian ini memfokuskan GBK agar melengkapkan diri dengan mekanisme akauntabiliti untuk menunjukkan keberkesanan dan kecekapan dalam program intervensi. Oleh itu, akauntabiliti program kaunseling adalah penting untuk mengiktiraf dan menjamin kualiti dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.
- v) Kajian ini signifikan kerana menyediakan maklumat untuk GBK berkaitan cara dalam melaksanakan langkah-langkah akauntabiliti berdasarkan empat komponen yang diperkenalkan. Aplikasi konseptual ini bukan sahaja memberi manfaat untuk program intervensi murid berisiko cicir malah boleh digunakan dalam program kaunseling yang lain. Aspek ini berfungsi meningkatkan profesionalisme GBK dan penyumbang ke arah pembentukan kemenjadian murid secara holistik.
- vi) Kajian ini meneliti prosedur kerangka keperluan bagi GBK untuk memahami setiap proses kerja dan mengaplikasikannya agar program intervensi yang

dijalankan lebih efektif, berkesan dan relevan. Dalam masa yang sama perkara ini berupaya memperlihatkan akauntabiliti GBK.

- vii) Kajian ini dapat memberikan input dan kefahaman kepada semua pihak berkepentingan seperti GBK, pentadbir sekolah, ibu bapa dan komuniti serta pihak KPM melalui penghasilan panduan dalam proses akauntabiliti program intervensi.

1.11 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan agar dapat memenuhi objektif yang telah ditetapkan.

- i) Kajian ini hanya dijalankan ke atas GBK di sekolah menengah kebangsaan sahaja. Ini disebabkan murid yang menghadapi risiko tahap tinggi cicir bagi sekolah rendah sebanyak 2.00% manakala 4.3% bagi murid sekolah menengah (KPM, 2018) dan jelas murid sekolah menengah lebih berisiko tinggi untuk cicir dari alam persekolahan.
- ii) Selain itu, kajian berkaitan MBC adalah amat kurang di Malaysia. Ini disebabkan program intervensi ini masih baharu dilaksanakan. Oleh itu, tinjauan literatur dan perolehan data berkaitan MBC adalah sangat minima.
- iii) Kajian berkaitan akauntabiliti dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling juga belum ditemui oleh pengkaji. Lantas, sumber rujukan banyak diambil daripada kajian di luar negara.
- iv) Kajian ini mengadaptasi Model Nasional ASCA (ASCA, 2019), Model Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (Mad Islaihi Sabdari,



2017; KPM, 2015) dan Model M.E.A.S.U.R.E sebagai model utama. Walau bagaimanapun, model-model ini diintegrasikan dengan model akauntabiliti lain yang digunakan di sekolah sebagai sebahagian sumber sokongan yang dirujuk dalam komponen tertentu.

1.12 Definisi Konsep dan Operasional

1.12.1 Guru Bimbingan dan Kaunseling

Schmidt (2003) menggunakan istilah *school counseling* dalam merujuk kepada kaunselor sekolah. Beliau menyatakan bahawa istilah ini adalah lebih kontemporari berbanding *personnel services* atau *guidance services* yang mencakupi semua aspek peranan dan fungsi kaunselor di sekolah.



ASCA (2012b) menjelaskan bahawa kaunselor sekolah harus memiliki kelayakan sekurang-kurangnya ijazah sarjana dalam bidang kaunseling sekolah. Perkara ini melayakkan mereka untuk memenuhi semua keperluan pembangunan akademik, kerjaya dan sosial atau emosi murid dengan merancang, melaksanakan, menilai dan meningkatkan program kaunseling sekolah secara komprehensif yang menggalakkan kepada keberjayaan murid. ASCA (2012b) mencadangkan nisbah kaunselor sekolah dengan bilangan murid ialah 1:250.

Merujuk kepada Pekeliling Kementerian Pendidikan KP(BS)8591/Jld.VIII/(35) yang dikeluarkan pada tahun 1996, guru kaunseling merupakan seorang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah yang mempunyai latar belakang pendidikan Ijazah Pertama Bimbingan dan Kaunseling dan Psikologi atau mendapat Sijil Bimbingan dan Kaunseling daripada UTM dan Sijil KDC 8 minggu lulusan 1982-1986 yang dianggap setaraf dengan kursus 6 bulan sepenuh





masa (MPIK, IPSI, MPTI, MPI Hulu Kinta dan sebagainya) serta yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan telah dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai guru kaunseling di sekolah menengah di seluruh Malaysia.

Perjawatan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa sekolah menengah dan sekolah rendah telah diluluskan berdasarkan keputusan Jemaah Menteri bertarikh 11 Julai 2001 iaitu merujuk Surat Bahagian Organisasi dan Perkhidmatan Bil. KP (PP) 0051/1/ Jld. 8 /(24) bertarikh 3 Ogos 2001. Waran perjawatan untuk Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa sekolah menengah dan sekolah rendah juga dikeluarkan pada 11 Januari 2002, Bil. KP (PP) 0051/SJ'B' Jld. 24/ (24) bertajuk Waran Perjawatan Bil. S3 Tahun 2002 yang membawa erti perjawatan ini perlu diisikan dengan tepat dan mengikut tangga gaji yang telah diluluskan. Nisbah guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa kepada murid adalah 1:500 bermula dengan 350 orang murid di sekolah rendah.

Surat Siaran Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 16 April 2012 merupakan panduan perkhidmatan terkini yang perlu dilaksanakan oleh semua Guru Bimbingan dan Kaunseling. Hal ini kerana bidang yang diperkenalkan melalui perekayasaan kaunseling berbeza daripada perkhidmatan yang terdahulu. Penekanan diberi kepada pembangunan sahsiah dan disiplin murid dari sudut kemenjadian murid dan menjurus terhadap pembangunan dan perkembangan sahsiah diri murid, peningkatan disiplin diri murid, pendidikan kerjaya murid serta psikososial dan kesejahteraan mental murid.

Dalam konteks kajian ini, Guru Bimbingan dan Kaunseling sekolah menengah kebangsaan merupakan guru yang menjalankan tugas sepenuhnya sebagai Guru





Bimbingan dan Kaunseling dan tidak diberi jadual waktu tetap mengajar (subjek akademik) supaya dapat beri tumpuan sepenuhnya terhadap perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Perkara ini termaktub dalam Surat Pekeliling Kementerian Pelajaran Malaysia seperti berikut :

- i. KP(BS-HEP)8543/60/(91) bertarikh 18 Mac, 1996 berkaitan Panduan Tambahan Pelantikan Guru Kaunseling di Sekolah Menengah.
- ii. Surat Pekeliling Iktisas Bil.3/96 dibaca bersama surat Bahagian Pembangunan Organisasi dan Perkhidmatan Bil.KP (PP) 0051/22 bertarikh 26 Mac 1997 dan surat Bil.KPPP 0051/22/(54) bertarikh 14 Mac 1997 berkaitan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.
- iii. Bil. KP (PP) 0051/SJ'B' Jld. 24/(24) bertajuk Waran Perjawatan Bil. S3 Tahun 2002.
- iv. KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld. 4(5) bertajuk Surat pekeliling Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah.

1.12.2 Murid Berisiko Cicir

Lemon dan Watson (2011) menghuraikan murid berisiko merupakan murid yang berpotensi untuk gagal dalam bidang akademik atau yang berisiko untuk cicir dari alam persekolahan. Kajian De Witte et al. (2013) menyatakan bahawa MBC ditakrifkan sebagai murid yang berpotensi meninggalkan persekolahan tanpa memperoleh kelayakan minimum iaitu diploma pendidikan menengah. Manakala UNICEF (2017), mendefinisikan MBC sebagai murid yang mendaftar di mana-mana peruntukan wajib atau pasca wajib tetapi menunjukkan tanda-tanda seperti tahap ketidakhadiran yang tinggi. Manakala istilah *early school leaving* yang sering digunakan di Kesatuan Eropah bermaksud murid meninggalkan sistem persekolahan





dan latihan dengan hanya sekadar di pendidikan menengah rendah atau kurang dan yang tidak lagi dalam sistem pendidikan.

Seterusnya, KPM (2018) menyatakan MBC adalah murid yang berada dalam sistem pendidikan (bersekolah) tetapi menunjukkan kebarangkalian yang tinggi untuk keluar dari sistem sebelum tamat tempoh pendidikan. Namun aspek ini tidak termasuk murid yang meninggal dunia, sakit kritikal hingga tidak berupaya untuk mengikuti persekolahan berdasarkan pengesahan doktor pakar, diluluskan untuk menjalani terapi rehabilitasi atau intervensi yang memerlukan tempoh masa tertentu di pusat intervensi atau pusat rehabilitasi (khusus untuk murid berkeperluan khas), berpindah ke luar negara dan dikecualikan oleh Menteri di bawah subseksyen 29A(3) Akta Pendidikan 1996.

Oleh itu, dalam konteks kajian ini murid berisiko cicir merupakan murid yang berada di sekolah menunjukkan kebarangkalian yang tinggi untuk keluar dari sistem pendidikan sebelum tamat tempoh pendidikan sekolah menengah berdasarkan definisi KPM (2018).

1.12.3 Akauntabiliti

ASCA (2012b) menjelaskan akauntabiliti bertujuan untuk menunjukkan keberkesanan program kaunseling sekolah dalam istilah yang boleh diukur. Selanjutnya, kaunselor sekolah menganalisis data program kaunseling untuk menentukan perubahan murid hasil daripada program kaunseling sekolah. Akauntabiliti merujuk kepada mengumpul, menganalisis dan menggunakan elemen data secara sistematik untuk memahami pencapaian semasa murid. Tanggungjawab ini turut melibatkan prosedur seperti memulakan strategi, menilai keberkesanan dan mendokumentasikan program





kaunseling sekolah yang memberi sumbangan terhadap kejayaan murid (Stone & Dahir, 2007).

Akauntabiliti turut dikaitkan dengan perkongsian tanggungjawab dalam mengurangkan jurang antara murid agar dapat memenuhi matlamat dalam peningkatan pencapaian sekolah (Dahir & Stone, 2016). Myricks (2003) menyatakan akauntabiliti sebagai bertanggungjawab atas tindakan terutamanya dari segi objektif, melaksanakan prosedur dan menggunakan hasil untuk penambahbaikan program. Ia melibatkan penetapan matlamat, penjelasan tentang apa yang telah dilakukan dan mengumpulkan maklumat yang menyokong sebarang pencapaian yang dituntut.

Justeru, akauntabiliti dalam konteks kajian ini ialah kebertanggungjawaban GBK terhadap proses pelaksanaan PIMBC dari peringkat awal iaitu komponen pentakrifan (*define*), pengurusan (*manage*), penyampaian (*deliver*) dan pentaksiran (*assess*). Oleh itu, GBK perlu mengumpul, menganalisis dan menggunakan setiap komponen secara sistematik serta mendokumentasikannya untuk menunjukkan ukuran indikator kemenjadian murid yang terlibat seiring dengan matlamat yang ditetapkan. Selain itu, aspek ini melibatkan perkongsian tanggungjawab dan keperluan untuk GBK berkongsi data atau hasil dapatan dengan pihak berkaitan. Sekali gus, amalan akauntabiliti ini mampu meningkatkan kredibiliti GBK dan menjadikan program intervensi ini lebih efektif, berkesan dan relevan.

1.12.3.1 Komponen Pentakrifan

Dalam konteks kajian ini, komponen pentakrifan adalah merujuk kepada matlamat PIMBC dihubungkan dengan misi sekolah dalam menangani murid berisiko cicir berpanduan Kod Etika Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (KPM, 2015),





GPMBC (KPM, 2018) dan Manual Pengurusan Pencegahan dan Intervensi Murid Cicir: Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI 2.0) (KPM, 2019b).

1.12.3.2 Komponen Pengurusan

Komponen pengurusan dalam konteks kajian ini turut berkaitan dengan mengenal pasti faktor risiko yang digunakan untuk menentukan fokus program dan seterusnya membimbing dalam reka bentuk perancangan program intervensi yang berupaya memberi hasil impak positif.

1.12.3.3 Komponen Penyampaian

Dalam konteks kajian ini, komponen penyampaian adalah berkaitan dengan fungsi GBK sama ada memberikan perkhidmatan secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam program intervensi. Seterusnya kaunselor berperanan mengenal pasti pihak berkepentingan yang terlibat. Perkhidmatan secara langsung kepada murid meliputi aspek arahan, penilaian dan khidmat nasihat serta sesi bimbingan mahupun kaunseling manakala perkhidmatan secara tidak langsung kepada murid pula meliputi aspek rujukan, konsultasi dan kolaborasi.

1.12.3.4 Komponen Pentaksiran

Dalam konteks kajian ini, komponen pentaksiran adalah berkaitan dengan mengenal pasti faktor risiko yang diatasi, keberkesanan yang diperolehi dan penambahbaikan yang dilakukan. Seterusnya pelaporan dapatan program dibuat dan dikongsikan dengan pihak-pihak yang berkaitan.



1.13 Rumusan

Subtopik yang dibincangkan dalam bab ini memberikan fokus terhadap pembinaan instrumen berkaitan amalan akauntabiliti guru bimbingan dan kaunseling dalam pelaksanaan program intervensi murid berisiko cicir di sekolah menengah. Proses pembinaan instrumen yang teliti penting agar instrumen yang dihasilkan memperoleh kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi untuk digunakan dalam kajian. Selain itu, amalan akauntabiliti turut diukur menerusi komponen pentakrifan, pengurusan, penyampaian dan pentaksiran berdasarkan demografi iaitu jantina, jumlah tahun perkhidmatan dan lokasi sekolah. Konklusinya, kajian ini berteraskan permasalahan kajian yang memerlukan perincian mendalam bagi menjawab persoalan kajian dan seterusnya mencapai objektif kajian.